

10 OCT 2002

Anwar-Muflis/I

PEGUAM MAHATHIR CUBA SERAH NOTIS MUFLIS TERHADAP ANWAR

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dimaklumkan oleh pihak berkuasa Penjara Sungai Buloh bahawa peguam cara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berusaha menyerahkan notis muflis ke atas Anwar hari ini.

Peguam Sankaran Nair, dalam satu kenyataan memetik Anwar sebagai berkata bahawa beliau tidak dapat menerima notis itu "atas sebab-sebab prinsip".

Ketika dihubungi, seorang ahli firma guaman Adnan Sundra & Low, yang mewakili Dr Mahathir, enggan mengulas.

Pada 26 April lepas, Anwar diperintah membayar kos sebanyak RM35,381 kepada Dr Mahathir berikutan kegagalan rayuannya di Mahkamah rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman RM100 juta terhadap perdana menteri.

Anwar memfailkan saman pada Januari 1999 mendakwa Dr Mahathir menipu dan mempunyai niat jahat kerana menyatakan beliau (Anwar) telah melakukan perbuatan tidak bermoral, pada sidang media di Jabatan Perdana Menteri.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara 15 tahun kerana rasuah dan liwat.

Nair, pada sidang media hari ini berkata dalam surat bertarikh 5 Sept, 2002, Adnan Sundra & Low menulis surat kepada Karpal Singh & Co (yang juga peguam Anwar) menuntut kos.

Nair berkata peguam cara Dr Mahathir juga menulis surat menyatakan bahawa anak guam mereka tidak berhasrat mendapatkan kos undang-undang bagi kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.

Anwar telah diarah membayar kos RM85,284.80 bagi prosiding di Mahkamah Tinggi dan RM18,489 lagi bagi kos prosiding di Mahkamah Persekutuan.

Mahkamah Persekutuan paa 23 Feb tahun lepas, menolak permohonan Anwar, dengan kos, untuk mendapat kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan.

-- BERNAMA

JA AHH SK LAT